

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

KAJIAN KEATAS PENERIMAAN PERKHIDMATAN
BAS SYARIKAT SRI JAYA DALAM MEMBERI
PENGANGKUTAN KHAS KEPADA KAKITANGAN
KERAJAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Oleh

Ramli Sarmany 81403621

Azmil Idris 81403223

Arsaf Mamat 81403143

KERTAS PROJEK INI DISEDIAKAN SEBAGAI
MEMENUHI SYARAT DAN KEPERLUAN BAGI
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN

NOVEMBER 1984

JADUAL KANDUNGAN

		<u>Muka Surat</u>
Penghargaan		1
Ringkasan Kajian		3
Masalah Pengangkutan Kakitangan Kerajaan Sebelum Perlaksanaan Perkhidmatan Bas Khas		5
Bab Pertama	Pengenalan	9
	Pendahuluan	9
	Penyata Masalah	11
	Objektif Kajian	13
	Hipotesis	13
	Skop	14
	Batasan	15
Bab Kedua	KAEDAH PENYELIDIKAN	17
	Pendahuluan	17
	Data Utama	17
	Ujian Perintis	19
	Kerja Luar	21
	Pensampelan	22
	Data Sekundar	23
Bab Ketiga	PENEMUAN DAN ANALISA	24
	Pendahuluan	24
	Analisa Responden	24
	Masalah-masalah yang dihadapi oleh Responden ..	30
	Mengkaji sejauhmana Perkhidmatan ini telah menyelesaikan masalah pengangkutan	33
	Menentukan sejauhmana penerimaannya	39
	Cadangan-cadangan Responden	40

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Penasihat kami Encik Tahir Ab. Hamid yang telah memberi panduan, nasihat, tunjukajar dan dorongan kepada kami dalam membuat kajiselidik ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada Pensyarah kami Encik Khairuddin Othman yang mana telah mengajar kami untuk membuat kajiselidik ini.

Tidak ketinggalan, penghargaan kami kepada mana-mana pihak yang membantu kami dalam memberi maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara bersangkutan terutama SYARIKAT SRI JAYA KENDERAAN BERHAD dan pihak MAMPU. Tanpa kerjasama mereka kajian ini tidak akan sempurna.

Kepada responden-responden yang telah meluangkan masa mereka bekerjasama dengan kami untuk memberi maklumat-maklumat, kami juga mengucapkan jutaan terima kasih.

RINGKASAN KAJIAN

Memandangkan masalah pengangkutan kepada kakitangan kerajaan adalah salah satu isu penting yang mesti diselesaikan atau sekurang-kurangnya diatasi demi meningkat produktiviti dan mutu kerja maka adalah dirasai perlu ianya dikaji dan seterusnya memberi pandangan-pandangan demi kebaikan bersama.

Walaupun ianya menjadi masalah kepada kakitangan kerajaan dengan pengenalan kepada sistem kad perakam waktu namun ianya menjadi tanggungjawab bersama kepada semua penduduk Malaysia amnya dan penduduk kawasan bandar khususnya.

Kerajaan bagi pihak kakitangan telah meletakkan tanggungjawab ini kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) di Jabatan Perdana Menteri untuk mencari dan membaiki masalah yang ada sekarang.

Sebagai menyahut seruan kerajaan dan menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan maka pihak MAMPU telah sedaya upaya cuba menyelesaikan masalah dan membuat perundingan dengan beberapa Syarikat Bas di Kuala Lumpur untuk memperkenalkan perkhidmatan khas secara terus kepada kakitangan kerajaan.

Oleh kerana perkhidmatan ini adalah merupakan satu-satu perkhidmatan yang baru untuk mencapai tujuan meningkatkan produktiviti, maka telah menjadi minat kami untuk mengkaji perjalanan perkhidmatan ini dalam mengurangkan bebanan masalah yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan dan sekali-gus membuat penilaian keatas sejauhmana ianya diterima oleh kakitangan kerajaan.